

Pemuda mengaku salah guna dadah dipenjara 10 bulan

KUCHING: Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara 10 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine.

Muhammad Akmal Dainial Dahlan, 24, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dihukum mengikut Seksyen 15(1) akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan selama dua tahun.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Daerah Kuching sekitar jam 7.50 malam pada 14 September 2024.

Tertuduh didapati positif dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine, yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu di mahkamah sama, seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan dan diperintah menjalani dua tahun pengawasan polis setelah mengaku bersalah melakukan kesalahan di bawah seksyen sama.

Mohd Syafiq Abdullah, 27, didakwa menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine pada 16 September 2024 kira-kira jam 5.45 petang, di Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Daerah Kuching.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim sementara kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.